

09/07/1999

Panel yakin matlamat projek berjaya

CYBERJAYA, Khamis - Rancangan Malaysia membangunkan industri teknologi tinggi menerusi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) menerima sokongan padu anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP).

Panel yang ditubuhkan khusus untuk memberi nasihat dalam perancangan projek teknologi ulung itu percaya Malaysia berada dalam landasan baik dalam mencapai matlamatnya membina industri berdasarkan maklumat.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Hewlett-Packard Co (HP), Datuk Lewis Platt, berkata, Malaysia sudah melaksanakan yang terbaik dari segi infrastruktur dan dasar sejak dua tahun lalu.

"Melihatkan apa yang dipertunjukkan dan komitmen kerajaan dalam membangunkan MSC, saya sangat positif mengenai masa depan MSC," katanya di sini, hari ini.

Platt berkata, langkah seterusnya ialah mendapatkan lebih banyak syarikat bertaraf dunia untuk melabur dalam MSC, terutama dalam membina tenaga kerja dan keupayaan asas.

Ketua Eksekutif Acer Inc (Acer), Datuk Dr Stan Shih turut kagum dengan pencapaian MSC sehingga ini.

"MSC sedang berkembang pada kadar yang baik dengan banyak syarikat besar mengambil bahagian dalam projek ini," katanya.

Beliau berkata, langkah seterusnya ialah untuk melihat lebih banyak syarikat dengan modal yang besar untuk menjayakan MSC kerana syarikat itu mempunyai keupayaan modal dan kepakaran pentadbiran.

Pengerusi Silicon Graphics World Trade Corporation (SGI), Bob Bishop, pula berkata kemajuan MSC jelas dipaparkan menerusi pelancaran pelbagai unit koridor itu, termasuk pelancaran Cyberjaya, Universiti Multimedia dan Makmal NTT Corp.

Beliau berkata, kemajuan menakjubkan MSC adalah daya usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu memberi kelebihan kepada Malaysia berbanding negara jiran.

"Persaingan sudah tentunya mewujudkan hasil menggalakkan. Maka persoalannya ialah bagaimana kita boleh membangunkan MSC dengan lebih cepat lagi," katanya sambil berpendapat MSC perlu mempunyai nilai moral dan sensitiviti Asia.

Pengarah Universiti Peking, Prof Wang Xuan, yang baru dilantik menganggotai IAP, berkata beliau kagum dengan usaha Malaysia dalam membangunkan MSC.

"Berdasarkan apa yang sudah dibangunkan saya yakin MSC akan mencapai kejayaan," katanya.

Presiden Maklumat dan Jualan Jalur Lebar Siemens AG, Dr Wolfgang Essig, menyifatkan projek MSC mampu membawa negara memasuki era maklumat dan yakin ia menjadi asas terbaik kepada Malaysia untuk memulakan industri multimedia.

"Siemens AG akan cuba membawa bersama syarikat dalam kategori kecil dan sederhana di Jerman dan Eropah melabur di dalam MSC kerana yakin dengan kestabilan politik dan ekonomi negara," katanya.

Penasihat Pejabat Sains Sun Microsystems Corp, Dr John Gage, berkata beliau optimis dengan masa depan MSC kerana projek ini berjalan lancar.

"Sebahagian ahli IAP terkejut dengan perkembangan dan kemajuan MSC kerana dalam keadaan ekonomi mengalami kegawatan projek ini masih berjalan dengan lancar," katanya.

(END)

